

13 SEP 2003

Adun-Reaksi

DUA ADUN MCA YANG DITARIK BALIK PENGGANTUNGAN JANJI BANTU PADA PILIHAN RAYA

PULAU PINANG, 13 Sept (Bernama) -- Tan Cheng Liang dan Lim Boo Chang hari ini mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional (BN) kerana menarik balik penggantungan mereka, dan berjanji akan membantu jentera BN menghadapi pilihan raya akan datang.

Kedua-dua Anggota Dewan Undangan (Adun) MCA itu mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting atas keputusan berkenaan.

Dr Mahathir mengumumkan keputusan itu selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Kuala Lumpur hari ini.

Kedua-dua Adun itu digantung keanggotaan mereka selepas mengambil keputusan berkecuali daripada mengundi bagi menentang satu usul DAP pada persidangan Dewan Undangan Negeri Nov lepas, bagi membantah projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR).

Tan (BN-Jawi) dan Lim (BN-Datuk Keramat) turut melahirkan perasaan gembira dan bersyukur di atas keputusan itu kerana ia akan membolehkan kedua-dua mereka menjalankan tugas sebagai wakil rakyat serta merta.

Menurut Tan perkara pertama yang akan beliau lakukan ialah mendapatkan peruntukan bagi projek menaiktaraf sistem perparitan, memperbaiki jambatan serta membantu projek pembinaan tambahan tiga buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di kawasannya.

Semasa dihubungi di sini hari ini, katanya beliau akan mengadakan pertemuan dengan Pegawai Daerah bagi meninjau perkembangan projek pembangunan di kawasannya setelah tidak dapat berbuat demikian sepanjang tempoh sembilan bulan penggantungannya.

Selain itu, beliau turut terharu dengan sokongan yang diberikan oleh rakyat di kawasannya selama tempoh penggantungan itu walaupun beliau tidak dapat memberi bantuan kewangan kerana tiada peruntukan.

"Saya amat terharu dengan sokongan mereka dan berjanji akan terus memberikan khidmat kepada rakyat dengan lebih bersungguh-sungguh serta akan lebih berhati-hati pada masa depan," katanya.

Beliau juga berjanji akan bersama-sama membantu menguatkan jentera BN bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

Sementara itu, Lim turut mengucapkan terima kasih di atas sokongan rakyat terhadapnya dan bersedia untuk berkhidmat kepada rakyat, kerajaan dan parti secara lebih berkesan.

Katanya, beliau akan turut bekerja keras bagi memastikan kemenangan cemerlang BN pada pilihan raya akan datang.

"Saya akan memberi sumbangan tenaga untuk memastikan BN berjaya dengan cemerlang di Pulau Pinang kerana ini adalah negeri kelahiran bakal Perdana Menteri kita," katanya.

-- BERNAMA

SA AZH